

02 JUN 2003

VCD-Lucah

VCD LUCAH: PIHAK BERKUASA MUNGKIN PERIKSA KEDIAMAN

PUTRAJAYA, 2 Jun (Bernama) -- Individu yang dipercayai memiliki dan menyimpan cakera padat video (VCD) lucah menghadapi kemungkinan kediaman mereka digeledah oleh pihak berkuasa dalam usaha kerajaan menghapuskan VCD lucah, kata Ketua Penguatkuasa Zon Tengah Kementerian Dalam Negeri, Mamat Ibrahim hari ini.

Beliau berkata tindakan itu hanya akan diambil selepas penyiasatan rapi dibuat terhadap sesiapa yang disyaki berbuat demikian.

"Kita boleh mengambil tindakan terhadap individu yang menyimpan video lucah jika kita mendapat maklumat. Kita boleh mendapatkan waran untuk menggeledah rumah dan mendakwa mereka yang terlibat di mahkamah," katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini.

Tindakan boleh diambil mengikut Seksyen 5 Akta Penapisan Filem 2002 yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda minimum RM10,000 dan maksimum RM50,000 atau penjara tidak lebih lima tahun.

Sebelum ini, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai mengarahkan semua polis negeri membanteras aktiviti penjualan dan pengedaran VCD cetak rompak dan lucah dalam tempoh dua minggu bermula 26 Mei lalu selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kekhawatiran tentang aktiviti tidak bermoral itu.

Mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam yang mahukan pihak berkuasa bertindak lebih pantas dalam membanteras aktiviti terbabit, Mamat berkata sememangnya anggota penguatkuasa perlu lebih gigih dalam menangani masalah itu.

Katanya, pemeriksaan lebih ketat mesti dibuat di semua pintu masuk ke negara ini bertujuan menyekat kemasukan VCD seumpama itu.

Menyentuh sejauh mana kejayaan operasi penguatkuasaan, beliau berkata aktiviti penjualan didapati semakin berkurangan dengan para penjual dikatakan terpaksa "bercuti".

Bagaimanapun, beliau berkata anggota penguatkuasa akan meneruskan tindakan pencegahan bagi memastikan gejala penjualan dan pengedaran VCD berkenaan dihapuskan sepenuhnya.

Dalam pada itu, beliau berkata pihaknya merampas 251 keping VCD dan DVD pelbagai tajuk kerana tidak memiliki sijil B dalam satu pemeriksaan di Wisma MCA di Jalan Ampang, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mamat berkata bahan-bahan itu yang kebanyakannya mengandungi unsur pendidikan, pelancongan dan drama dipercayai dibawa masuk dari China.

-- BERNAMA

MAM SNS MOZ